



12 AUG, 2024

Integriti: Kastam buat pemeriksaan mengejut

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Integriti: Kastam buat pemeriksaan mengejut



ANIS RIZANA MOHD. ZAINUDI

PETALING JAYA: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan membuat pemeriksaan mengejut ke atas pegawai dan anggotanya bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa pada tahap optimum dan mengelak amalan kerja negatif.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd. Zainudi berkata, pendekatan itu diambil bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dan tatakelola menerusi pemeriksaan secara mengejut di seluruh negara dari semasa ke semasa.

Kata beliau, ia susulan penahanan anggota kastam di Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala

Lumpur (KLIA) baru-baru ini yang sedikit sebanyak mencairkan imej pasukan berhubung isu integriti.

“Jadi, kita mengambil pendekatan untuk turun padang dan menjalankan pemeriksaan secara mengejut dan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dan tatakelola

“Ia juga selaras arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat bertarikh 18 April lalu berhubung peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan yang berintegriti,” katanya di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Anis Rizana berkata, menerusi pendekatan itu beliau dapat melihat sendiri masalah yang dihadapi anak

buahnya di lapangan.

“Kita juga dapat menambah baik cara bekerja dari aspek pengoperasian serta kebajikan anggota kastam.

“Pendekatan lain adalah anggota terbabit dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan ditukarkan ke penempatan berisiko rendah bagi memastikan urusan siasatan berjalan lancar,” jelasnya.

Sebelum ini, 17 individu termasuk 11 pegawai JKDM ditahan SPRM bagi membantu siasatan kes penyeludupan barangan import dan elak cukai atau ‘kontena terbang’ di Pelabuhan Klang membabitkan ketirisan berjumlah RM3.5 bilion sejak 10 tahun lalu.



12 AUG, 2024

Integriti: Kastam buat pemeriksaan mengejut

Utusan Malaysia, Malaysia



SUMMARIES

PETALING JAYA: Jabatan Kast am Diraja' Malaysia (JKDM) akan membuat pemeriksaan mengejut ke atas pegawai dan anggotanya bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa pada tahap optimum dan mengelak amalan kerja negatif. Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd. Zainudi berkata, pendekatan itu diambil bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dan tatakelola menerusi pemeriksaan secara mengejut di seluruh negara dari semasa ke semasa.